

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA  
Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1993/94

Oktober/November 1993

HSA 101 - Pengantar Sejarah

Masa: [3 jam]

---

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LAPAN [8] SOALAN DI DALAM DUA [2] MUKA SURAT.

Jawab EMPAT [4] soalan, DUA [2] soalan daripada setiap Bahagian A dan B.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

BAHAGIAN A - Jawab DUA [2] soalan

1. Penulisan Herodotus tidak boleh diterima sebagai karya sejarah kerana kaedah penyelidikan yang digunakannya tidak begitu meyakinkan.

Bincangkan.

2. "Tacitus memang telah terpuji kerana lukisan watak yang dilakukannya. Tetapi pada asasnya prinsip-prinsip yang digunakan bagi melukiskan wataknya adalah buruk, dan ini menyebabkan lukisan wataknya itu menjadi terpesong daripada kebenaran sejarah." (R.G. Collingwood)

Bincangkan.

3. Sumbangan Ibn Khaldun yang paling nyata dalam bidang pensejarahan dan seterusnya membezakan beliau daripada ahli sejarah tradisi dan sezamannya boleh dilihat kepada penekanannya kepada kebenaran fakta dalam penulisan sejarah berdasarkan pengkajian, penelitian dan penyelidikan ilmiah.

Bincangkan.

4. Ranke telah dikritik oleh setengah sejarawan sebagai penulis sejarah abad ke-19 yang paling berat sebelah.

Telitikan kebenaran kritikan ini.

BAHAGIAN B - Jawab DUA [2] soalan

5. "Pada tahun 49 S.M. Julius Caesar menyeberangi Sungai Rubicon."

Apakah peristiwa ini boleh dianggap sesuai bagi kajian sejarah?

Berdasarkan kepada pandangan F.J. Teggart DAN R.G. Collingwood bincangkan ciri-ciri yang mana menentukan sama ada peristiwa ini sesuai atau tidak bagi kajian sejarah.

6. "Tiada dokumen, dan tiada pernyataan, baik yang rasmi atau pun yang bukan rasmi, yang tidak boleh disangsi."  
(Kitson Clark)

Bincangkan.

7. "Pergerakan Islah tercetus kerana kepintaran Martin Luther."

Sejauh manakah corak penjelasan seperti ini dapat diterima dalam kajian sejarah? Bincangkan merujuk kepada contoh-contoh yang sesuai.

8. "Selagi sejarah tidak mempunyai ciri-ciri seperti yang wujud dalam sains semula jadi objektiviti dalam sejarah menjadi satu impian sahaja."

Setujukah anda?